

Bahan 1

Lantas berkali-kali pesan bonda kepada saya supaya memelihara agama dan bahasa ibunda jika ingin terus dihormati dan disegani sebagai bangsa agung dan bermaruah. "Bumi ini milik kita. Nenek moyang kitalah yang berjuang dengan akal kebijaksanaan serta semangat keperwiraan untuk membebaskan tanah air ini daripada belenggu penjajah. Lebih kurang lima ratus tahun lamanya tanah watan ini dijajah oleh kuasa asing, bangsa kita merempat dan menjadi rakyat kelas ketiga di tanah air sendiri. Ilak dan maruah kita dicabul, Mel."

Cerita bonda suatu hari tatkala saya asyik membelek-belek kitab-kitab lama bertulisan Jawi di dalam almari yang memperincikan sejarah asal usul bumi mewah ini. Saya pandang mata bonda dalam-dalam mencari pengertian sebenar. Saya anak generasi baharu yang belum mengerti segala-galanya itu. Saya faham bonda hanya ingin menghidupkan roh patriotisme dan jati diri dalam diri saya. Semangat cinta akan bangsa sendiri kian terhakis dalam jiwa anak-anak generasi material ini. Harapan bonda moga-moga saya menjadi pejuang yang berani mempertahankan nilai dan kepentingan bangsa saya sendiri sedikit, demi sedikit mula terhakis di atas tanah sendiri.

(Dipetik daripada cerpen 'Munshi' antologi *Jaket Kulit Kijang* dari Istanbul, Kementerian Pendidikan Malaysia)

Bahan 2

POKOK BANGSA ITU ADALAH KITA

Anak merdeka alaf baharu
Antara bunga mimpi dan tragedi
Dalam membina generasi globalisasi
Bukanlah semudah mencipta
Cerita kosong di kedai kopi
Atau membiarkan bangsa kita dijajah lagi.

Anak merdeka alaf baharu
Anak peribumi agar tumbuh menjulang tinggi
Mentafsir wawasan membina jati diri
Meraih akar dalam tunjang diri
Menegak pepohon yang merendangkan
Dedaun semangat

Anak merdeka alaf baharu
Harapan jadi pejuang berani
Tegakkan bangsa di ibu pertiwi
Kerana pokok bangsa itu
Adalah kita yang merdeka

Sumber : Internet

1103/2SULIT

Bahan 3

GURINDAM MELAYU BANGSAKU

Melayu bangsaku penegak budaya
Berseri hidup diterangi cahaya

Melayu bangsaku penjunjung warisan
Kukuh walau hujan atau kepanasan

Melayu bangsaku pemelihara bahasa
Suara dipadu mantap perkasa

Melayu bangsaku pembina jati diri
Generasi mendatang ampuh berdiri

Melayu bangsaku pencetus damai
Pertahan nilai murni jadi harapan

Melayu bangsaku pembela bangsa
Tidak rela ketuanan binasa

Sumber : Internet

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, bagaimanakah cara nenek moyang berjuang daripada belenggu penjajah?

[2 markah]

- (ii) Merujuk **semua bahan**, nyatakan harapan-harapan yang disampaikan oleh penulis untuk memartabatkan bangsa.

[3 markah]

- (iii) Remaja sekarang mudah terpengaruh oleh gaya hidup Barat sehingga mengetepikan nilai-nilai patriotik dalam diri.

Pada pendapat anda, apakah punca-punca yang menyebabkan remaja hilang nilai patriotik dalam diri masing-masing?

[4 markah]

- (iv) Anda bertugas sebagai pengawas sekolah. Anda dapati terdapat segelintir murid yang tidak menghormati lagu Negaraku seperti berbual-bual semasa lagu tersebut dinyanyikan.

Sebagai pengawas yang bertanggungjawab, cadangkan usaha-usaha untuk memastikan murid-murid menghormati lagu Negaraku.

Soalan 7: Petikan Sastera

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

31 Ogos 1957 - Ketika bulan merdeka sangat terang di langit, kami beriktikaf di surau. Sesuai dengan semangat *wurisan moyang-poyang* sejak kampung itu dipugar, kami meraikan merdeka dengan dua matlamat : rezeki dan ibadat.

Surau penuh sesak - kami menganjurkan majlis doa kesyukuran dan bacaan tahlil, khusus untuk orang yang sangat kami cintai. Kami selalu mengenangkan kata-katanya: Perihal lurusnya hati Melayu, berbudi cara Melayu bersahabat cara Melayu. Malah, segala debar cinta kepada bangsa dan negara. Kami sentiasa rindu akan kata-kata semangat anak muda itu "Tanah Melayu pasti merdeka!"

Dipetik daripada cerpen 'Cinta Ahmad Mutawakkil'
oleh Zainal Rashid Ahmad
dalam antologi *Sejadah Rindu*
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 2

GURINDAM HARI MERDEKA

Sahan tahun merdeka disambut	Silang sengketa tolak ke tepi
Aman makmur negara berdaulat	Wawasan disokong sepenuh hati
Program dirangka aneka acara	Merdeka bukan hanya di mulut
Seluruh rakyat sambut bersama	Gerakkan usaha buangkan kalut
Meriah perarakan di ibu kota	Merdeka dijunjung daulat dijaga
Tanda muafakat semua warganya	Keamanan terpelihara selamatkanlah warga
Sumber : Mawar Chenor	

1103/2SULIT

Bahan 3

KAMPUNGKU DAN NIKMAT MERDEKA

Sesekali pulang ke kampung halaman
Masih segar menyinggahi ingatan
Tika menjelang ambang merdeka
Kibaran bendera sepanjang jalan
Anak kecil bernyanyi riang

Sesekali pulang ke kampung halaman
Terasa enak bersarapan pagi air teh tanpa susu
Ubi rebus atau roti tanpa keju
Berlaukkan ikan kering sayur pucuk paku
Betapa nikmat rasa semula jadi

Hidup dalam era modenisasi
Dilimpahi kemudahan serba serbi
Hasil jerih perjuangan pedih pengorbanan
Inilah nikmat kemerdekaan

Sumber Internet
Ehsan Jamly
Muar Johor

- (i) Berdasarkan **Bahan 3**, berikan maksud rangkai kata *wurisan moyang-poyang*.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan cara-cara masyarakat menyambut hari Kemerdekaan.
[4 markah]
- (iii) Sambutan Hari Kebangsaan disambut pada tanggal 31 Ogos setiap tahun bagi mengenang jasa dan pengorbanan para pejuang kemerdekaan.
Pada pendapat anda, selain mengenang jasa dan pengorbanan para pejuang kemerdekaan, apakah kepentingan diadakan sambutan Hari Kebangsaan?
[3 markah]
- (iv) Pihak sekolah telah menganjurkan pertandingan menghias kelas sempena bulan kebangsaan. Kelas anda akan menyertai pertandingan menghias kelas yang bertemakan 'Sayangi Negaraku'. Namun, segelintir rakan anda tidak memberikan kerjasama.

1103/2SULIT

Sebagai ketua kelas, apakah tindakan yang akan anda ambil bagi memastikan semua murid melibatkan diri?

[4 markah]

Bahan 1

Gelanggang

Inilah gelanggang kita

yang diwariskan oleh pendekar-pendekar datuk moyang lebih lima dekad yang lalu satu persepakan kaum untuk diturunkan kepada anak cucu di kemudian hari.

Hari ini kitalah pewaris gelanggang yang terbina dari keringat dan air mata dengan gelanggang inilah negara aman makmur rakyat berpadu kita pelihara gelanggang ini dengan kejaip sepenuh hati kita mempertahankan kedaulatan watan dari anasir jahat kerana telah terbukti dapat menyatupadukan pelbagai keturunan.

Para pendekar kita harus berani berjuang menangkis tohmahan demi mempertahankan maruah gelanggang keramat suci ini suara-suara momokan sumbang memperlekehkan menyentuh hati nurani kita sanggah nyah tanpa kompromi dari menggugah gelanggang jangan sekali bermain api kelak membinasakan diri sendiri. Marilah para pahlawan setia kita kukuhkan ukhuwah elakkan pertelingkahan sesama sendiri.

Kitalah pewaris abadi yang menjunjung amanah ini agar kecemerlangan tercerna di persada arena terus memacu kejayaan demi maruah harga jati diri membina sebuah negara bangsa yang harmoni dan dihormati kita junjung dan taat hingga ke akhir hayat.

Onn Malini Pohon Tradisi

Gapeniaga Sdn. Bhd.

antologi Jaket Kult Kijang dari Istanbul,
Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012

MLY12/5

Bahan 2

"Almat sedar akan tanggungjawab itu, tok. Penyirah Almat di universiti sentiasa mengajak Almat dan kawan-kawan supaya tidak laka dan terpinggir dengan perkara-pekerja yang boleh membawa kepada keruntuhan akhirat. Negara akan mudah runtuh dan tergalat apabila anak-anak muda yang menjadi harapan gagal melaksanakan tugas dan tanggungjawab kerana terhibak dengan kegiatan yang membawa kepada kemudatan dan kehancuran kepada diri sendiri," aku berkata dengan penuh panjang lebar. Datuk sebaliknyanya tersenyum dan mengangguk-angguk kepada apabila mendengar kata-kataku itu.

"Tok berasa gembira sekali. Almat mempunyai semangat begitu. Tok yakin. Dengan semangat dan kesetiaan tinggi Almat dan kawan-kawan, negara ini akan aman dan damai selamanya," ucapnyanya pula.

"Kalau generasi tok sanggup menghabiskan masa muda dengan berkorban dan berjuang demi keamanan dan kedamaian tanah air kenapa tidak Almat dan rakan-rakan yang hidup sebagai generasi selepas merdeka berbuat demikian," kataku dengan penuh bersemangat.

Dipetik daripada
cerpen 'Pesan Datuk Padaku',
oleh Azalika SR,
Saudari.com 2020

- Berdasarkan Bahan 1, berikan maksud rangkai kata maruah gelanggang. [2 markah]
- Dengan merujuk Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan beberapa pesanan penulis kepada pembaca tentang cara untuk mempertahankan kedaulatan negara. [4 markah]
- Semasa sambutan ulang tahun kemerdekaan, para pemimpin negara sentiasa menekankan isu perpaduan kaum dalam ucapan mereka. Pada pendapat anda, apakah kepentingan-kepentingan perpaduan kaum terhadap negara? [3 markah]
- Anda mendapati tiada kibaran Jalur Gemilang semasa sambutan bulan kemerdekaan di kawasan kampung anda. Sebagai ketua kampung, apakah tindakan yang perlu dilakukan untuk menggalakkan masyarakat di kawasan anda mengibarkan Jalur Gemilang? [4 markah]

Bahan 1

Indah purnama dari puspita,
cantik berseri di waktu malam,
peranan utama adalah kita,
membentuk diri cintakan alam.


Terbang kedidi singgah di kuala,
elok bertenggek di tepi kali,
kemusnahan terjadi di mana jua,
jika harta menguasai diri.

Cantik bulan kerana terang,
ditambah bintang yang berkelipan,
kehijauan hutan akan menghilang,
kalau ditebang tanpa kawalan.

Bunga kemboja si bunga sena,
dipetik jatuh satu persatu,
pupus segala flora dan fauna,
manusia hidup berhutankan batu.

1103/2022 Hak Cipta MPSM Kelantan

SULIT
[LIHAT HALAMAN SEBELAH]



SULIT

6

1103/2

Bahan 2

Sungai Ceper semakin hari *semakin tohor* sehingga air sampai paras buku lali, ikan-ikan terperangkap dan banyak yang mati kerana tidak boleh main air lagi. Sungai menjadi busuk kerana najis tidak boleh mengalir. Hendak mandi menyelam kepala dalam-dalam pun tidak boleh lagi kerana air Ceper betul-betul tohor.

Ibu mengamuk juga. Dia maki-maki Ceper yang boleh jadi begitu sehingga menyusahkan semua. Baruh habis kering. Padi pun kecut di dalam sawah. Yang sudah menguning boleh jadi tahan-tahan sampai benar-benar tunduk. Tetapi banyak yang belum masuk isi habis kering dan mati menjadi jerami begitu saja. Yang kuning pun nampak saja besar biji-biji padinya, tetapi banyak yang hampa kerana kemarau panjang sangat dan air Sungai Ceper tidak boleh menolong langsung.

Dalam hati ibu memang Ceper itu bedebahlah. Ibu tidak turun ke Ceper lagi kerana airnya sedikit. Ibu berbaik dengan telaga. Meskipun telaga di penjuru tanah kami itu amat dalam, ibu tarik juga tali timba membawa naik air ke atas.

Dipetik daripada cerpen Ibu dan Ceper
oleh Shahnnon Ahmad dalam antologi Harga Remaja,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- i. Berdasarkan Bahan 2, berikan maksud rangkai kata *semakin tohor*.
[2 markah]
- ii. Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan kesan-kesan pencemaran alam sekitar.
[3 markah]
- iii. Kedua-dua bahan menjelaskan bahawa pencemaran membawa implikasi negatif kepada masyarakat.
Pada pendapat anda, apakah punca masalah pencemaran semakin menjadi-jadi?
[3 markah]
- iv. Isu pencemaran sungai sering menjadi perbincangan hangat dalam kalangan masyarakat. Pencemaran ini telah menyebabkan sungai tidak dapat berfungsi sepenuhnya sebagai pembekal sumber air bersih untuk kegunaan harian dan lokasi menjalankan aktiviti riadah.
Sekiranya anda diberi peluang menjadi Ketua Pengarah Pengairan dan Saliran Malaysia, apakah langkah-langkah yang akan anda lakukan untuk menjaga sungai di negara kita?
[4 markah]

1103/2022 Hak Cipta MPSM Kelantan

SULIT
[LIHAT HALAMAN SEBELAH]



Petikan 7 – Petikan Sastera

Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Maka oleh ibunya segala hal -ehwal dari mulanya datang kesudahannya pada anaknya. Setelah Kertala Sari mendengar ceritera ibunya demikian itu, maka Kertala Sari pun terlalu sangat amarahnya, "Ceh, Ratu Melaka dan Laksamana! Mati engkau olehku! Tanpa kedep tembung laku. Syahdan negeri Melaka pun habis kubinasakan. Jikalau tiada kuperbuat demikian, bukanlah aku anak penjurit yang berani dan kepetangan."

Dipetik daripada cerpen 'Prosa Kepimpinan Melalui Teladan' oleh Zurinah Hassan antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahan 2

Telah kedengaran ke benua Siam bahawa Melaka negeri besar yang tiada takluk kepadanya, maka Paduka Bubunnya pun menyuruh ke Melaka hendak minta surat sembah. Maka Sultan Muzaffar Syah tiada mahu menyembah ke benua Siam. Maka Raja Benua Siam terlalu marah, lalu menyuruh berlengkap akan menyerang Melaka. Awi Cakri nama panglimanya, membawa rakyat terlalu banyak tiada terpermanai lagi. Maka dipersembahkan orang ke bawah Duli Sultan Muzaffar Syah bahawa Raja Benua Siam menitahkan hulubalang, Awi Cakri namanya, membawa rakyat terlalu banyak *tiada terpermanai* banyaknya, berjalan darat terus ke hulu Pahang.

Dipetik daripada Prosa Tradisional, 'Burung Terbang Dipipiskan Lada' Antologi *Sejadah Rindu*, Kementerian Pendidikan Malaysia

SULIT

YIE - BAHASA MELAYU TKT 5 - PERCUBAAN 2022

7

Bahan 3

Fikir dan Kata	Silang Sengketa
Kurang fikir, kurang siasat Tentu dirimu kelak tersesat.	Siapa menggemari silang sengketa, Kelaknya pasti berdukacita.
Fikir dahulu sebelum berkata, Supaya terelak silang sengketa.	Silang selisih jangan dicari, Jika tersua janganlah lari.
Perkataan tajam jika dilepas, Ibarat beringin, racun dan upas.	
Kalau mulut tajam dan kasar, Boleh ditimpa bahaya besar.	Dipetik daripada 'Gurindam 12', <i>Beberapa Petua Hidup: Za'ba</i> , Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *tiada terpermanai*.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan kaitan dengan mulut dan nafsu.
[4 markah]
- (iii) Jika kita melakukan sesuatu tindakan mengikut hawa nafsu maka kita akan mendapat kesan negatif.
Pada pendapat anda, apakah kesan negatif tersebut?
[3 markah]
- (iv) Kejadian pergaduhan berlaku di sekolah anda kerana mengikut hawa nafsu remaja atas sebab tidak puas hati sesama rakan.
Anda sebagai pengawas, apakah cara yang sesuai untuk mendamaikan mereka semula?
[4 markah]

- 7 Baca Bahan 1 dan Bahan 2 yang diberikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

ERTI HIDUP BERERTI

Aku selalu didatangi
malam sepi
bagai kalung
yang melingkari leherku
tidak berubah keesokan hari
siapa yang akan datang menjengukku
keluhan seorang tua sunyi

Keheningan tasik
kehijauan rumput
hanya menjadi bayangan
di penjuru ruang zaman
cinta dalam rahim dilupai
dari sulung ditendang ke bongsu
dari angah ditendang ke sulung balik
kucari erti hidup
menderita mengerang sakit
berdiri tanpa ruang

Aku bagi mereka
tiada makna
anakku bakaku
baik setia mahupun derhaka
semoga disirami benih keinsafan
menjadi penawar dalam hati
embun cinta atasi angin dingin
jangan terpegun
ada yang mati
ada yang hidup
tiada yang kekal kecuali Tuhan.

Antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahan 2

Meskipun bapa sudah tiada lagi menjadi kaki burung ketitir, bapa sudah agak tua dan tidak boleh berbuat apa-apa lagi. Bapa hanya berada di rumah makan dan tidur saja. Sikit-sikit boleh juga jaga cucu dan picit-picit tubuh ibu, tetapi bapa sebenarnya *sudah dimakan tua* waktu itu.

Bapa tidak dapat ampu ibu lagi. Pasti juga tidak boleh angkat ibu ke tandas lagi. Mujurlah yang lumpuh, cuma ibu seorang. Kalau bapa juga lumpuh, entahlah. Aku tidak dapat membayangkan masalahnya.

Suatu hari, entah bagaimana, aku menjerit kuat sedikit sewaktu ibu sedang berak kerana lama sangat najisnya tidak terbit-terbit. Aku sudah naik kejang kaki tangan kerana lama ampu ibu. Dan aku lihat pipi ibu basah kerana air mata meleleh turun. Isteriku menerpa dan apabila melihat air mata ibu sedang mengalir melalui retak-retak di pipi ibu yang kendur hodoh itu, dia mengambil tempatku.

Dipetik daripada cerpen *Ibu dan Ceper*
antologi Harga Remaja,
Dewan Bahasa dan Pustaka

- (i) Berdasarkan **Bahan 2**, berikan maksud rangkai kata *sudah dimakan tua*.
[2 markah]
- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan sikap negatif anak-anak terhadap ibu bapa.
[3 markah]
- (iii) Ibu bapa merupakan insan yang banyak berkorban untuk membesarkan anak-anak.
Pada pendapat anda, apakah cara-cara yang boleh dilakukan oleh anak-anak untuk membalas jasa ibu bapa?
[3 markah]
- (iv) Ketika anda berjalan bersama-sama kawan-kawan di kota, anda terlihat seorang gelandangan warga emas yang sedang meminta sedekah. Anda berasa kasihan melihat keadaan warga emas tersebut.

Sebagai warga yang prihatin, cadangkan langkah-langkah yang dapat anda lakukan untuk membantu warga emas tersebut.

[4 markah]

Bahan 1

Setelah lima hari, Jeevan mengalami demam panas selepas berkelah di Hutan Lipur Pelangi. Dia hilang selera makan. Ibu Jeevan telah membawa Jeevan ke hospital. Dia selalu berasa loya dan muntah-muntah. Keadaan Jeevan membuatkan ibunya bimbang. Matanya berubah menjadi kekuning-kuningan. Jeevan terlanjur di hospital dan diberikan rawatan rapi. Doktor mendapati Jeevan telah menghidap penyakit leptospirosis.

Setelah seminggu, Jeevan pun dibenarkan pulang. Dia berehat di rumah. Dua orang sahabatnya, Hilmi dan Hok Gie telah datang melawatnya. Jeevan sudah boleh berbual-bual dengan mereka. Sebelum ini, Jeevan tidak boleh terlalu banyak bercakap. Kalau banyak bercakap, dia akan terbatuk-batuk. Tekaknya pula akan terasa perit semasa menelan air liur.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Bahana Tikus'
Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 4

1103/2

[Lihat halaman sebelah]

Bahan 2

KEBERSIHAN

Rakyat disaran jaga kebersihan,
untuk kebaikan dalam kehidupan.

Jaga kebersihan tanggungjawab bersama,
tanda muafakat mengikut agama.

Sekitar bersih senang dipandang,
senang beriadah setiap petang.

Mencintai kebersihan tidak rugi,
termasuk sekali penjagaan gigi.

Bersama jiran bersihkan halaman,
nanti selesa buat senaman.

Sampah banyak hati risau,
mata sakit *minda kacau*.

Kita jayakan kempen kebersihan,
matlamat utama menjaga kebersihan.

Amalan gotong-royong sangat mulia,
dapat menyatupadukan pelbagai manusia.

Tempat kotor lalat membiak,
penyakit bahaya pun semakin banyak.

Kebersihan cegah penyakit,
berjaga-jaga sebelum sakit.

Utamakan kebersihan setiap masa,
barulah pelancong pandang selesa.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Kumpulan Gurindam: Budi Secantik Hati'
oleh Pena Mutiara

1103/2

- (i) Berdasarkan Bahan 2, berikan maksud rangkai kata *minda kacau*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan kesan sekiranya seseorang mengabaikan kebersihan, sama ada kebersihan diri ataupun persekitaran. [3 markah]
- (iii) Kebersihan amatlah dititikberatkan dalam kehidupan seseorang dan wajar diberikan keutamaan. Namun, kita kerap kali tersentak oleh pelbagai masalah kesihatan dan penyakit berjangkit yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat domestik dan antarabangsa.
Pada pendapat anda, apakah punca-punca pengabaian kebersihan diri dan persekitaran oleh masyarakat pada hari ini? [4 markah]
- (iv) Rakan sekelas anda sering mengabaikan aspek kebersihan dengan membuang sampah di merata-rata tempat di dalam kelas sehingga menimbulkan rasa kurang selesa untuk belajar.
Sebagai ketua kelas, nyatakan langkah-langkah yang boleh anda ambil untuk memastikan tabiat rakan anda tidak berterusan. [3 markah]

- 7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Dania dan Gayathri berbincang tentang pengalaman mereka menyertai Karnival Teknologi Hijau pada tahun lepas. Selain pameran, mereka turut menyertai Kuiz Teknologi Hijau.

- Dania : Penyertaan kita dalam Karnival Teknologi Hijau itu menyeronokkan betul, bukan?
- Gayathri : Sayangnya kita tidak dapat menjuarai Kuiz Teknologi Hijau itu. Jika tidak, kejayaan yang ditempa oleh sekolah kita bertambah gemilang.
- Dania : Tidak mengapa Gayathri. Pengalaman dan pengetahuan yang kita peroleh daripada aktiviti itu sangat berguna.
- Gayathri : Fikiran saya buntu dan serabut sungguh pada waktu itu. Saya terlupa bahawa ada banyak tenaga yang boleh diperbaharu. Salah satunya ialah tenaga hidroelektrik.
- Dania : Siapa sangka ya, tenaga elektrik dapat dihasilkan oleh sumber alam, iaitu aliran air. Tanpa penemuan sains, tentulah kita sangka bahawa air hanya berguna untuk kita minum, membersihkan diri, dan pakaian sahaja.
- Gayathri : Yang penting, tenaga hidro ini bersih dan mesra alam. Tenaga ini tidak mencemarkan alam sekitar seperti tenaga lain yang tidak boleh diperbaharu.

Dipetik dan diubah suai daripada
'Tenaga daripada Air'
buku teks *Bahasa Melayu Tingkatan 5*

1103/2

[Lihat halaman sebelah



Bahan 2

Sajak Tenaga Alternatif

Syukur kepada Tuhan
Anugerah alam-Nya luas
nikmat-Nya tidak terhingga
asal kita mampu mengolahnya.

Ke hilir air yang mengalir
mampu diempang membukit
memutar turbin tanpa jemu
menghasilkan tenaga elektrik.

Angin yang bertiup nyaman
bilah raksasa boleh berpusing mudah
tenaga elektrik terhasil
tanpa sedikit pun merosakkan alam.

Panel-panel hitam solar
mampu menyerap tenaga
mengolah dan menyimpan
hasilnya menjadi tenaga elektrik.

Marilah warga dunia
gunakanlah anugerah ini
dengan sebaik-baiknya
alam buana pasti ceria.

- (i) Berdasarkan Bahan 2, berikan maksud rangkap ketiga sajak. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan kebaikan tenaga alternatif ini. [3 markah]
- (iii) Menurut Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA), harga gas dan arang batu yang lebih tinggi di Eropah, termasuk Sepanyol dan Jerman, ditambah dengan kenaikan harga karbon Eropah, mendorong harga elektrik menjadi lebih tinggi.
- Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk menjimatkan penggunaan tenaga elektrik dalam kalangan masyarakat? [4 markah]
- (iv) Anda mendapat tahu bahawa jiran anda membuat penyambungan elektrik secara tidak sah selain tidak mematuhi sistem pendawaian yang sempurna seperti pengubahsuaian soket pada punca elektrik sedia ada. Tindakan jiran ini amat membahayakan dan boleh menyebabkan berlaku kebakaran.
- Sebagai jiran yang prihatin, apakah tindakan-tindakan yang boleh anda ambil untuk menyedarkannya tentang kesalahan yang telah dilakukan? [4 markah]

7. Bahan bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

"Seharusnya aku mengambil pengajaran daripada petaka yang melanda perairan kampungku." Sesal Pak Tua semakin menghimpit dada. Begitulah yang terjadi kerana tidak adanya kesedaran untuk menjaga kelangsungan alam sekitar. Pak Tua ikut terlibat dalam pemusnahan hidupan laut di kampungnya. Lantaran ingin mendapat tangkapan yang lumayan, Pak Tua dengan beberapa orang rakan nelayan sering menggunakan bom buatan sendiri untuk mendapatkan ikan yang banyak.

"Kami tidak sedar bahawa perbuatan kami itu telah memusnahkan terumbu karang dan hidupan laut yang lainnya. Terumbu karang tempat kehidupan plankton yang merupakan makanan ikan. Terumbu karang yang memakan masa jutaan tahun untuk membesar, dengan sekali lempar saja *telah ranap* oleh letupan bom buatan sendiri."

Dipetik daripada
cerpen 'Hutan Rimba, oleh Sasjira,
antologi *Dirgahayu Bahasaku*,
Dewan Bahasa dan Pustaka

Bahan 2**PANTUN SAYANGI HUTAN**

Di tepian lata mengail ikan,
Di kail teruna waktu malam;
Hutan kita usah binasakan,
Kelak merana seisi alam.

Tumbuh terbiar pohon putat,
Gugur daunan jatuh ke tanah;
Hidupan liar hilang habitat,
Kerana hutan makin musnah.

Ikan siakap di dalam timba,
Hendak dikukus Cik Siantan;
Lantaran sikap tamak haloba,
Hampir pupus harimau di hutan.

Kalau adinda hendak ke kota,
Jala serawan harap dibeli;
Hutan ternoda di depan mata,
Jangan kalian tidak peduli.

Buku Teks Bahasa Melayu Tingkatan 5,
Kementerian Pendidikan Malaysia

[Lihat halaman sebelah

- (i) Berikan maksud rangkai kata *telah ranap* dalam **Bahan 1**. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, apakah kesan kemusnahan alam sekitar? [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk menjaga alam sekitar? [3 markah]
- (iv) Anda sedang berkelah bersama-sama kawan-kawan di tepi sungai. Tiba-tiba anda melihat sekumpulan remaja sedang mengemas kawasan berkelah mereka sambil membuang dua plastik sampah ke dalam sungai.
- Sebagai seorang yang bertanggungjawab, apakah yang akan anda dan kawan-kawan lakukan terhadap kumpulan remaja berkenaan. [4 markah]

- 7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Beberapa Petua Hidup

Fikir dan kata

Kurang fikir, kurang siasat,
Tentu dirimu kelak tersesat.

*Fikir dahulu sebelum berkata,
Supaya terelak silang sengketa.*

Perkataan tajam jika dilepas,
Ibarat beringin, racun dan upas

Dipetik daripada gurindam Beberapa Petua Hidup
Kalung Bunga Za'ba,
Dewan Bahasa dan Pustaka, 2008

Bahan 2

- NEK SINAH : Nenek sedar siapa diri nenek dalam rumah ini. Tadi Dapnia ada telefon beritahu yang dia tak balik makan tengah hari, dia banyak tugas di universiti. Malam baru dia pulang. Datin juga sibuk, malam baru dia pulang.
- AIMAN : Kak Dapnia tak balik, mummy pun sama? Semua orang dalam rumah ini sentiasa sibuk saja. Macamlah esok dah nak kiamat.
- NEK SINAH : Tak baik cakap begitu. Mereka pastinya ada urusan yang penting.
- AIMAN : Sudahlah, Nek Sinah boleh keluar dari bilik saya ini. Nanti kalau saya lapar, saya pergi makan. Tak perlu sentiasa nak aturkan perkara yang perlu saya buat. Saya bukannya budak kecil lagi.
- (NEK SINAH meninggalkan AIMAN dengan rasa kesal. Kesal dengan sikap AIMAN yang tidak menghormatinya dan ahli keluarga tersebut hanya mementingkan wang ringgit).
- AIMAN : Bosan betul aku dengan Nek Sinah. Semua perkara nak diberitahu kepada aku. Suruh aku buat macam ini, macam itu. Hish, rimas aku dengan orang tua tu! Daripada aku fikir fasal Nek Sinah, baik aku tidur.

Dipetik daripada drama 'Berkhidmat Untuk Negara'
oleh Affix Zulkarnaen Adam
dalam antologi *Jaket Kulit Kijang dari Istanbul*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Bahan 3

Emak tak ada, siapa nak jaga adik?" tanya Melati malam semalam sewaktu dia membimbing adiknya membuat latihan Matematik. Dia lemas menghadapi saat ini.

"Keruntuhan moral muda-mudi bukan sahaja kerana faktor media massa, tetapi kurangnya perhatian orang tua. Hal ini kerana dalam arus perkembangan yang pesat, masyarakat berlumba-lumba memburu kekayaan material. Oleh itu, mereka mengabaikan kekayaan batiniah ..."

Kata-kata Cikgu Hisyam yang mengajarkan Pengajian Am selalunya disambut dengan perdebatan tetapi tidak kali ini. Semuanya kosong. Hanya mata membuang pandangan ke depan tetapi perasaan menjalar jauh di kampung halamannya.

Dipetik daripada
novel *Songket Berbenang Emas*
karya Khairuddin Ayip,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud
Fikir dahulu sebelum berkata,
Supaya terelak silang sengketa. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan **semua bahan**, nyatakan punca anak-anak zaman ini mengalami keruntuhan adab dan tatasusila. [4 markah]
- (iii) Statistik pembabitkan kanak-kanak dalam jenayah seperti lumba haram, dadah, perjudi, dan memiliki bahan lucah dari Januari hingga Disember 2003 yang dilaporkan oleh Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Bukit Aman menunjukkan kanak-kanak lelaki dan perempuan adalah seramai 5342 orang.
Pada pendapat anda, apakah peranan pelbagai pihak untuk mengatasi isu yang serius ini? [3 markah]
- (iv) Semasa pulang dari sekolah, anda bertemu dengan dua rakan sekelas anda yang ponteng sekolah. Mereka sedang melepak di sebuah pondok usang bersama beberapa orang remaja lelaki yang sedang menghidu gam.
Sebagai rakan sekelas yang prihatin, apakah tindakan sewajarnya yang perlu anda ambil? [4 markah]

- 7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

JIWA HAMBIA

Menung seketika sunyi sejenak
kosong di jiwa tak berpenghuni
hidup terasa diperbudak budak
hanya suara melambung tinggi

Berpusing roda, beralih masa
berbagai neka, hidup di bumi
selagi hidup berjiwa hamba
pasti tetap terjajah abadi

Kalau hidup ingin merdeka
tekan tercapai hanya berkata
tetapi cuba maju ke muka
melempar jauh jiwa hamba

Ingatan kembali sepatah kata
dari ucapan seorang pemuka
di atas robohan Kota Melaka
kita dirikan jiwa merdeka

*Tongkat Warrant
1948*

Bahan 2

Ahmad Mutawakkil, sudah jarang-jarang benar balik ke kampung. Perjuangan parti meruntun waktunya dihabiskan di bandar. Tahun 1952, dalam usia 24 tahun, dia dipilih menduduki kerusi pemimpin nombor dua parti di peringkat daerah.

Tidak cukup dengan tanggungjawabnya ke sana sini untuk berceramah, Ahmad Mutawakkil turut menulis dalam surat khabar. Dia juga terkenal sebagai wartawan. Tulisannya banyak merangsang orang Melayu untuk bersiap sedia mengisi kemerdekaan.

"Jangan nanti selepas merdeka, kita jadi macam kera mendapat bunga." Untuk merdeka, katanya, perjuangan bukan setakat mendesak Inggeris berundur.

"Malah, demi mengisi kemerdekaan, kita juga perlu mendesak diri sendiri, mengikis semua tabiat buruk bangsa kita. Kita pasti akan merdeka, dan untuk itu, kita perlu berjuang mengubah sikap dan pandangan sempit bangsa kita...."

Akhirnya, selepas berbulan-bulan lamanya Ahmad Mutawakkil menghilang, satu hari, pecalah berita tentang kepulangnya. Oleh sebab namanya sebagai wartawan masyhur disebut orang di sana sini, Tuan Booth mahu meraikan kejayaannya itu.

Dipetik daripada
cerpen 'Cinta Ahmad Mutawakkil' oleh Zainal Rashid Ahmad
antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

- (i) Berdasarkan **Bahan 1**, berikan maksud rangkai kata *terjajah abadi*.
[2 markah]
- (ii) Dalam **semua bahan**, pengarang ada menyatakan bahawa kemerdekaan hanya boleh dinikmati melalui beberapa perubahan yang perlu dilakukan dalam diri.
Nyatakan perubahan-perubahan tersebut. [3 markah]
- (iii) Patriotisme memainkan peranan yang sangat penting dalam diri setiap rakyat Malaysia dalam mengekalkan kemerdekaan yang telah kita capai selama ini.
Pada pendapat anda, apakah kesan-kesan yang akan berlaku kepada negara sekiranya semangat patriotisme tidak dipupuk dalam kalangan masyarakat?
[4 markah]
- (iv) Anda mempunyai seorang rakan karib yang dilihat cenderung mengamalkan gaya hidup bebas atas alasan modenisasi sehingga mengikis jati diri rakyat Malaysia dalam dirinya. Keadaan tersebut bertambah rumit apabila rakan anda sudah mula meremehkan jasa dan bakti tokoh-tokoh nasionalis.
Sebagai seorang rakan, bagaimanakah anda boleh menimbulkan kesedaran tentang pentingnya semangat cinta akan negara dalam diri rakan anda itu?
[4 markah]

TERHAD
7
11832 (Set 1)

7. Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutan dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Syair Jong Preah

Kita dijajah empat kurun,
ditambah empat puluh enam tahun,
Budaya dan ilmu setanah gurun,
Huga dari semak n tarun.

Bangkai publisasi demi publisasi,
Bongang merbau kemerdekaan,
Bangsa bangsa pupu terkurban,
Harunya lelap dielan zaman.

Sampulih waktu rakyat jilati,
Berpaku erat sesa sekati,
Tahan bahaya tahan dentu,
Mendatikan kembali negara kita.

Tiga puluh tiga tahun sejak bergema,
Kita merdeka diluar bersama,
Negara dan bangsa menempu nama,
Beragak angan telah terjema.

Adah mengapa kita berbalah,
Sama sendiri berpecah-pecah,
Keranglah ya bila jang preah,
Haulah tundi dalam sepeah.

Dipetik dan diubah dari daripada
rangkap 4 hingga rangkap 8 Syair Lange di Tengan
Adibah Anon
Dewan Bahasa dan Pustaka

11832
TERHAD

TERHAD
8
11832 (Set 1)

Bahan 2

Warisan

Di sini lahirnya sebuah cinta
Yang murni abadi sejati
Di sini tersemu cita-cita
Bercambah menjadi warisan

Andai kutubung tak diterima
Andai aku diingkarkan
Ke mata harus kuharapkan
Ke mata harus kuharapkan cinta ini

Rotan
Di bumi ini kumelangkah
Ke utara selatan timur dan barat
Kujepuk

Aku bukanlah seorang perwira
Gagah mengguna senjata
Namen huri rela berjuang
Walaupun dengan cara sendiri
Demi cinta ini

Kuingin kotakan seribu jeruji
Sepanjang kemerdekaan ini
Kuingin sampakan pecutan
Akulah penyambung warisan

Andai kutubung tak diterima
Andai aku diingkarkan
Ke mata harus kuharapkan
Ke mata harus kuharapkan cinta ini

Rotan
Di bumi ini kumelangkah
Ke utara selatan timur dan barat
Kujepuk

Aku bukanlah seorang perwira
Gagah mengguna senjata
Namen huri rela berjuang
Walaupun dengan cara sendiri
Demi cinta ini

Kuingin kotakan seribu jeruji
Sepanjang kemerdekaan ini
Kuingin sampakan pecutan
Akulah penyambung warisan

Nyanyian : Sudirman HJ Anshad,
Lirik : Syed Hiren Syed Ahmad

11832
TERHAD

TERHAD
9
11832 (Set 1)

Bahan 3

"Belokan Tanah Melayu" ialah kata-kata penutup pidato Ahmad Matasakill pada mulam itu. Kami juga diingatkan untuk terus berjuang menentang Inggeris bersebut, semai dengan perjojian pada 1 Februari 1948.

"Persekutuan Tanah Melayu mesti jadi kenyataan" katanya dengan penuh semangat. Kami juga diberitahu oleh Ahmad Matasakill, dan tahun dari sekarang, yakni tahun 1955, satu pilihan raya di peringkat Kuala Lumpur akan diadakan.

"Jadi, kita perlu bekerja dengan lebih kuat, buhang kemerdekaan semakin dekat." Walaupun pidato pada mulam itu sangat menarik dan semua mata terpusak kepada Ahmad Matasakill, semip mata kami yang hadi tetap har menyelinap, teruati cari di mana dahaknya Sandra, anak gadis Tuan Booth.

Dipetik daripada cerpen "Cinta Ahmad Matasakill"
oleh Zaitul Rachid Ahmad
Antologi Sejodah: Rindu, Min 53, Dewan Bahasa dan Pustaka

- Berdasarkan Bahan 1, apakah seruan penyair dalam rangkap kedua? [2 markah]
- Berdasarkan Bahan 2 dan Bahan 3, nyatakan bukti-bukti semangat cinta akan negara. [3 markah]
- Menjaga kesatuan negara merupakan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh setiap rakyat untuk kekal bersemit. Pada pandangan anda, apakah peranan-peranan masyarakat dalam memastikan kesatuan negara? [4 markah]
- Lagu Warisan nyanyian Sudirman Haji Anshad dalam Bahan 2, sering kali berlagu dianggah apabila thonya bulan kemerdekaan setiap tahun. Perutusan Perbendah di tempat tinggal anda telah menganjurkan pelbagai program sempena sambutan bulan kemerdekaan. Namun demikian, program tersebut tidak mendapat sambutan golongan muda di sita. Anda dan beberapa rakan diminta untuk mencadangkan aktiviti yang boleh menarik minat golongan muda menyertainya. Tuliskan cadangan anda. [4 markah]

11832
TERHAD

- 7 Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Erti Hidup Bererti

Aku selalu didatangi
malam sepi
bagai kalung
yang melingkari leherku
tidak berubah keesokan hari
siapa yang akan datang menjengukku
keluhan seorang tua sunyi.

Keheningan tasik
kehijauan rumput
hanya menjadi bayangan
di penjuru ruang zaman
cinta dalam rahim dilupai
dari sulung ditendang ke bongsu
dari angah ditendang ke sulung balik
kucari erti hidup
menderita mengerang sakit
berdiri tanpa ruang.

Aku bagi mereka
tiada makna
anaku bakaku
baik setia mahupun derhaka
semoga disirami benih keinsafan
menjadi penawar dalam hati
embun cinta atasi angin dingin
jangan terpegun
ada yang mati
ada yang hidup
tiada yang kekal kecuali Tuhan

Teo Wei Sing
Suara Anak Pahang, 2009
Pekan Ilmu Sdn.Bhd.
Antologi Sejadah Rindu
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Bahan 2

Ke mana perginya tubuh yang menyimpan suara tua itu dalam banjir begini? Saya mendaili sekali lagi, menunggu ke hujung deringan. Dia menjawab, termengah-mengah. Juga masih tidak memberi ruang tanya kepada saya.

"Mak solat Zuhur tadi. Jangan bimbang tentang mak. Ikan kering ada, cabai kering pun ada. Kalau habis semua tu, mak makan nasi dengan garamlah. Jaga suami dan anak-anak kau baik-baik. Tak apalah, ada masa nanti balikkah jenguk mak di kampung ya. Assalamualaikum."

Sederas jawapan yang menyembur dari hujung sana, sepi, pantas itu juga talian diputuskan! Mengapa pemilik suara tua itu langsung tidak memberi ruang untuk saya berbicara? Atau telinganya sudah tidak mampu mendengar lagi? Ataukah dia bimbang bil telefon "anak" ini akan menjadi seperti harga ikan di pasar kami? Atau sememangnya dia keliru, siapa yang dikenakan bayaran? Bagaimana saya hendak menelan, dalam getar suara dari mulut tua yang hanya ada nasi berteman ikan kering?

Dipetik dan diubah suai daripada
Cerpen 'Banjir di Mata Emak' oleh Che Soo Ismail
Antologi Baik Budi Indah Bahasa
Kementerian Pendidikan Malaysia

- Berdasarkan **Bahan 1**, apakah yang berlaku kepada penyajak dalam rangkap 1.
[2 markah]
- Berdasarkan **Bahan 1** dan **Bahan 2**, nyatakan harapan seorang ibu terhadap anaknya?
[3 markah]
- Seorang ibu sanggup memelihara sepuluh orang anaknya, tetapi sepuluh orang anak belum tentu dapat memelihara seorang ibu.
Pada pendapat anda, mengapakah kita perlu mengenang jasa seorang ibu?
[4 markah]
- Baru-baru ini telah tular menerusi media sosial isu seorang ibu telah ditinggalkan oleh anaknya di perhentian bas selama hampir 12 jam. Sayu hati anda membaca berita ini.
Andaikan anda berada berhampiran kawasan tersebut, apakah tindakan yang akan anda lakukan untuk membantu ibu tersebut?
[4 markah]

7. Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Setelah tiga tahun dalam tahanan reman berulang-alik menghadiri perbicaraan di mahkamah, pihak pendakwa berjaya membuktikan kesalahan dan hakim menjatuhkan hukuman penjara sepanjang hayat ke atas Abu dan Jamal.

Perbuatan Abu telah *menyentuh perasaan* ibunya. Hanya air mata menjadi saksi kesedihan yang terpaksa ditanggung oleh seorang ibu. Sesungguhnya tiada seorang ibu pun di dunia ini yang mahukan anak yang dikandungnya selama sembilan bulan terpaksa meringkuk di dalam sel penjara. Ibu selalu berpesan kepada Abu supaya harus bijak memilih kawan. Kawan yang baik haruslah didampingi. Kawan yang tidak baik haruslah disempadani. Janganlah terpengaruh dengan ajakan kawan yang boleh membawa kemusnahan. Ingatlah cerminan kita adalah dengan siapa kita berkawan.

Dipetik dan diubah suai daripada
Cerpun 'Pendakian Tujuh Gunung',
oleh Sallehuddin Ibrahim,
Dewan Siswa Bil. 7, 2017,

Bahan 2

Pesan Ibu Beribu-ribu

Setiap langkah kita diiringi pesanan ibu
"Buat begini jangan begitu
bacalah buku selalu
kukuhkan diri dengan ilmu
pilihlah kawan yang mulia hati
tolaklah kawan pementing diri
pilihlah kawan yang punya petunjuk
tolaklah kawan bertabiat buruk."
Ibu yang satu menyekat kita di pintu
bertanya ke mana arah tuju
"Jagalah diri selalu
di luar sana mungkin bencana menunggu."
Kita menjadi jemu
mendengar pesanan beribu-ribu
tapi ibu tetap ibu
pesan bertambah satu dan satu
"Jangan dibiarkan kepala berkutu
carilah ubat jerawat batu."

Dipetik daripada sajak "Pesan Ibu Beribu-ribu"
oleh Rahman Shaari
dalam antologi *Bintang Hati*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

-
-
- (i) Berdasarkan bahan 1, nyatakan maksud *menyentuh perasaan*. [2 markah]
- (ii) Berdasarkan Bahan 1 dan Bahan 2, nyatakan pesanan ibu kepada anaknya. [3 markah]
- (iii) Jasa ibu bapa tidak ternilai dalam membesarkan kita.
Pada pendapat anda, apakah cara terbaik yang dapat dilakukan oleh seorang anak untuk membalas jasa ibu bapanya? [4 markah]
- (iv) Anda telah mendapat tahu bahawa ibu rakan anda menghadapi penyakit berbahaya yang mengancam nyawanya. Kos untuk mengubati penyakit tersebut sangat tinggi. Keluarganya tidak mampu menampung kos rawatan tersebut.
Sebagai seorang rakan yang prihatin dan bertanggungjawab, apakah tindakan anda untuk membantu rakan yang menghadapi masalah tersebut? [4 markah]

7. Baca bahan-bahan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Bahan 1

Gurindam Hutan Dinodai

Jika manusia terlalu rakus,
Hasil hutan pasti akan pupus.

Jika sisa dibuang merata,
Hilanglah seri dilaman kita.

Jika alam sering dicalar,
Pudarnya kasih alam sekitar.

Jika ranap alam yang hijau,
Hidupnya insan kacau dan bilau.

Jika kuntum penghias mata,
Indah mekar ungkapan kata.

Jika hijau lambangnya tenang,
Pantulan dari hati yang girang.

Jika kelam bertukar rupa,
Alam buana tersenyum gembira.

Jika kembang bunga di taman,
Hidup ceria watanja aman.

Sumber: Internet

5

Bahan 2

Selang beberapa minit, kedua-duanya terlena di celah banir tualang tua disebabkan keletihan mendaki dan mengutip sampah sarap. Dalam tidur yang nyenyak itu, mereka berdua mendapat mimpi yang sama. Tualang tua tempat mereka berteduh tiba-tiba berkata-kata. "Tidak ada yang lebih kubenci selain manusia yang tamak haloba dan mabuk kuasa!" jerit si tualang tua sambil menggoyang-goyang dahannya seperti tangan manusia. "Kerana wang mereka sanggup menjual harga diri dan memakan rasuah. Balak ditebang kononnya untuk mencerahkan hutan. Hendak ditanam Musang King, dicerahkan lagi untuk dibuat kuari. Itu bukan pembalakan konon. Itu hanya pencerahan hutan," tambah Si Tualang tua. Terbatuk-bauk sesuai berbicara.

Amar dan Kaer terpinga-pinga saat terkejut daripada tidur. Lena mereka direngguh oleh rasa basah pada kaki dek air yang sudah naik sampai ke banir pokok. Mereka terkejut kerana paras sungai sudah naik sampai ke situ. Arus deras membuat pokok-pokok bungkas dan hanyut ke hilir. Ketika pokok mereka berteduh sedang tumbang ke dalam air, mereka terdengar bunyi suara.

"Benci aku! Benci aku! Benci aku!" berulang kali sehingga mereka ikut tenggelam dan hanyut bersama-sama.

Dipetik dan diubah suai daripada cerpen
'Yang Paling Aku Benci', oleh Sanusi Din,
<https://www.malaysiakini.com/hiburan/592816>

Bahan 3

Lagu Hijau

Zainal Abidin Mohamad

Bumi yang tiada rimba
seumpama hamba
dia dicemar manusia
yang jahil ketawa.

Bumi yang tiada udara
bagai tiada nyawa
pasti hilang suatu hari
tanpa disedari.

Bumi tanpa lautan
akan kehausan
pasti lambat laun hilang
duniaku yang malang.

Dewasa ini kita saling merayakan
kejayaan yang akhirnya membinasakan
apalah gunanya kematangan fikiran
bila di jiwa kita masih lagi muda
dan mentah
kulihat hijau.

6

Sumber: Internet

- (i) Berdasarkan bahan 2, apakah alasan-alasan yang diberikan oleh manusia untuk membangunkan kawasan hutan?

[2 markah]

- (ii) Berdasarkan semua bahan, nyatakan kesan-kesan negatif sekiranya alam sekitar tidak diperlihara dengan sebaiknya.

[4 markah]

- (iii) Alam sekitar sangat penting dalam kitaran ekosistem bumi dan menjadi tanggungjawab bersama untuk memelihara dan memuliharanya.

Pada pendapat anda, apakah kepentingan-kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar?

[4 markah]

- (iv) Pada suatu hari, anda sedang berjalan-jalan di tepi sebatang sungai di kampung. Tiba-tiba, anda terlihat kelibat dua orang lelaki yang sedang membuang sampah yang sangat banyak ke dalam sungai.

Sebagai seorang yang prihatin terhadap alam sekitar, apakah tindakan anda dalam situasi tersebut?

[4 markah]